

Hempasan Ombak

Sinopsis Umum

Novel ini mengisahkan seorang anak yang bernama Farid meneruskan warisan Syarikat Perniagaan Batik Nusantara selepas ayahnya Haji Badrul meninggal dunia. Farid terpaksa mengambil alih syarikat tersebut walaupun berumur 19 tahun. Haji Badrul mempunyai isteri yang bernama Hajah Zaoyah. Latifah sebagai anak sulung dan mempunyai anak 5 tidak pernah dididik dalam bidang perniagaan. Lotfi pula lumpuh kerana terlibat dalam kemalangan dan berpaut pada kerusi roda untuk bergerak. Farhan menjadi harapan dan pewaris legasi syarikat ayahnya tetapi telah meninggal dunia sewaktu belajar di UKM manakala Hanisyah dan Hisham adik Farid baru berusia 15 tahun dan 12 tahun.

Farid menghadapi kesukaran memulakan perniagaan kerana dia masih mentah dalam bidang perniagaan. Syarikat peninggalan batik arwah ayahnya juga menghadapi masalah kewangan. Ramai agen tidak membayar hutang. Selain itu, permintaan batik keluaran Syarikat Nusantara di pasaran juga tidak memberangsangkan. Syarikat tersebut dibantu oleh Tomsiah yang dipanggil Kak Tom. Dia telah berkhidmat sejak syarikat itu ditadbir oleh ayahnya. Kak Tom menguruskan tugas pentadbiran dan kewangan.

Selepas makan malam, Farid bermusyawarah bersama Lotfi dan ibunya Hajah Zaoyah tentang masalah syarikat. Lotfi dan Hajah Zaoyah tidak mahu syarikat itu dijual atau ditutup. Hajah Zaoyah mahu warisan yang ditinggalkan terus bertahan dan berkembang dalam pasaran batik. Tiba-tiba fikiran Farid terlintas untuk menjual sebahagian aset syarikatnya bagi dijadikan modal dan membayar hutang. Tambahan pula, Hajah Zaoyah juga sanggup menggadaikan barang kemas dan tanah demi menyelamatkan syarikat itu. Farid mempertimbangkan cadangan ibunya dan cuba mencari jalan lain. Farid juga memerlukan orang yang arif kerana setiap pelaburan melibatkan risiko.

Farid telah mengadakan mesyuarat dan ini mesyuarat pertama sejak dia mengambil alih syarikat itu. Dia telah menyatakan hasrat mengembangkan perniagaan dengan memperbesar bengkel batik dan meningkatkan pengeluaran. Modal akan diperolehi daripada hasil jualan sebahagian aset syarikat dan hasil gadaian barang ibunya. Idea Farid disambut baik oleh semua ahli yang hadir pada mesyuarat itu.

Sebelum projek tersebut dilaksanakan, Farid telah bertemu En Mokhsien yang merupakan bekas pekerja ayahnya dan pengarah urusan pemborong binaan Nadi Zaman. En Mokhsien banyak memberi tunjuk ajar dan memotivasikan Farid agar menjadi usahawan bumiputera yang berjaya. Farid menjadi lebih bersemangat. Kemudian, dia juga bertemu Zuraidah atau Eda rakan sekelas sekolah yang membuka kedai di bandar Terengganu. Zuraidah seorang yang pandai melayan pelanggan. Dia sudah terlibat dalam bidang perniagaan sejak di bangku sekolah. Cara layanan dan citarasa pelanggan terhadap batik dalam genggamannya Zuraidah. Hubungan Farid dan Zuraidah kian erat. Farid menceritakan segala masalah yang berlaku kepada Zuraidah. Zuraidah memberi idea supaya Farid mengubah corak batik tradisional ke kontemporari. Hal yang demikian kerana citarasa pelanggan sering berubah-ubah mengikut peredaran masa. Cadangan Zuraidah disetujui Farid demi membangunkan semula Syarikat Batik Nusantara.

Farid sekali lagi datang ke pejabat Encik Mokhsein. Encik Mokhsein menyemak rancangan perniagaan dan berjanji membantu Farid. Pada masa yang sama, Encik Mokhsein menasihatkan Farid supaya mengikuti kursus pengurusan perniagaan dan mendapatkan khidmat nasihat dari Mida dan MARA. Ilmu dapat membantu seseorang bersaing dalam dunia perniagaan yang sangat kompetitif.

Modal sebanyak 75 ribu ringgit telah dilaburkan untuk membina bangsal tambahan, peralatan dan bahan batik moden. Pembatik-pembatik modennya itu akan diberi latihan jangka pendek oleh MARA dan MIDA. Setelah bangsal batik siap dibina, Farid telah mengadakan majlis perasmian dan mengundang Encik Mokhsein sebagai perasmi majlis. Majlis ini turut dihadiri Hartini Noor yang merupakan graduan seni reka fabrik UiTM dan dia telah dilantik oleh Encik Mokhsein sebagai pengajar corak batik moden di Syarikat Batik Nusantara. Hartini banyak menyumbangkan idea dan melatih pekerja Farid dalam corak seni moden. Kehadiran Hartini menyebabkan Zuraida berasa cemburu dan dia mempunyai perasaan salah sangka terhadap Farid. Farid sedar akan tindakan Zuraidah dan dia menjelaskan bahawa Hartini sudah bertunang. Perasaan cemburu Zuraidah pudar dan hubungan mereka lebih akrab.

Syarikat Farid semakin berkembang. Farid turut turun padang berjumpa agen baharu. Pengalaman mengajar Farid supaya mencari agen yang jujur dan melunaskan hutang dengan cepat. Di sebalik kemajuan perniagaan Farid, ada pesaing yang marah dan tidak berpuas hati. Jualan batik Syarikat Rajawali kepunyaan Mukhtar bapa saudara Zuraida merosot. Mukhtar menyedari bahawa hasil batik syarikat Farid boleh menyebabkan perniagaannya gulung tikar. Mukhtar bertambah marah apabila anak buahnya membantu menjual batik moden Farid. Mukhtar mengugut untuk membakar kedai Zuraidah sekiranya dia tidak mahu memulangkan batik tersebut kepada Farid. Zuraidah akur dengan permintaan bapa sadarnya. Zuraidah terpaksa kerana Mukhtar banyak memberi bantuan setelah ayahnya meninggalkan ibunya. Mukhtar juga mengugut Farid supaya menghentikan operasi batik modennya menggunakan surat layang. Farid menceritakan kejadian itu kepada Kak Tom dan keluarganya. Hajah Zaoyah menyarankan agar Farid melaporkan kepada pihak polis. Farid berdegil dan mahu menyelesaikan sendiri.

Di samping itu, Mukhtar mengupah ketua samseng yang bernama Mahmood untuk membuat kacau di bangsal moden syarikat Farid. Apabila Mahmood tiba di bangsal moden itu, dia terlihat Masri dan Azmi sedang bekerja. Mahmood bertambah marah dan menyangka syarikat Farid mencuri bekas pekerja majikannya. Haryani yang baru pulang cuba meredakan suasana dengan melayan Mahmood dengan baik tetapi gagal. Kemudian Haryani menghalau Mahmood. Mahmood masih berdiri dan tidak mahu pulang. Haryani berlari dan meminta pertolongan daripada Pak Nik. Tindakan Mahmood semakin agresif apabila Pak Nik dan dia bertikam lidah. Mahmood mencekik leher Azmi dan ingin mecelup muka Azmi pada kawah lilin cair. Tangan Masri yang memegang cacing lilin panas, dia nekad mencurahkan lilin tersebut pada muka Mahmood supaya Azmi dilepaskan. Muka Mahmood melecur dan dia lari lintang pukang. Pekerja Farid tidak berjaya memberkas Mahmood.

Walaupun cubaan pertama dan kedua tidak berjaya mensabotaj perniagaan Farid tetapi Mukhtar tidak pernah patah semangat untuk membalas dendam. Mukhtar telah mengupah beberapa pemuda untuk membakar bangsal moden syarikat Farid. Pada waktu malam, Farid sekeluarga menyedari cahaya api dan bunyi letupan dari bangsal batik miliknya. Dalam beberapa minit, api marak dengan cepat dan menjilat bangsal itu hingga rentung. Farid berpura-pura tenang apabila berhadapan dengan Hartini dan pekerjanya walaupun perasaan sedih dipendamkan dalam hati. Siasatan pihak bomba mendapati bangsal tersebut disabotaj dan dibakar secara sengaja. Pihak polis juga telah memanggil Farid untuk diambil keterangan. Polis telah menangkap Mukhtar setelah siasatan selesai dan bukti mencukupi. Mukhtar telah didakwa dan dihukum penjara selama 3 tahun.

Selepas 3 hari kejadian itu, Encik Mokhsein ke pejabat Farid. Beliau memberitahu Farid bahawa beliau berjaya membantu Syarikat Nusantara mendapatkan pelanggan dari Singapura dan Kuala Lumpur. Zuraidah meminta maaf atas tindakan pak ciknya itu dan dia menyatakan bahawa akan sambung belajar. Semasa perjalanan menghadiri perkahwinan Hartini, Encik Mohsein mengusik Farid dan Zuraida. Encik Mokhsein menyatakan bahawa mereka pasangan yang sesuai untuk memajukan Syarikat Batik Nusantara. Farid hanya tersenyum manakala Zuraidah mukanya merah padam menikmati pemandangan di luar kereta.

NOVEL TINGKATAN 3: HEMPASAN OMBAK (ZAILIANI BIN TASLIM)

SINOPSIS ikut bab

BAB 1 WARISAN?

Kematian ayahnya Haji Badrul telah melemahkan perniagaan batik keluarga. Farid kerap mengingatkan pesan arwah bapanya, bahawa perniagaan ibarat roda yang penuh cabaran. Farid tetap berfikir mampukan yang cetek ilmu perniagaan mewarisi dan meneruskan perusahaan batik ayahnya yang kian malap dengan hutang yang banyak. Takkan ibunya, Hajah Zaoyah (56 tahun) yang menanggung beban itu, abangnya Lotfi lebih 10 tahun berada di kerusi roda. Manakala abangnya Farhan telah meninggal dunia ketika tahun akhir di UKM. Adik-adiknya Hanisyah dan Hisyam masih mentah. Farid terpaksa mengambil alih perniagaan keluarganya. Tomsiah merupakan kerani yang berdedikasi telah membantu Farid. Menurut Kak Tom, hutang ayahnya bukan dengan pihak bank tetapi hutang runcit dengan pembekal. Selain itu, Kak Tom memberikan gambaran kedudukan perniagaan keluarganya kepada Farid. Kak Tom memberikan nombor telefon Encik Mokhsein yang dapat membantu Farid dalam selok-belok perniagaan.

BAB 2 MENGGAPAI AWAM

Punca kematian ayahnya dibangkitkan semula. Kata doktor ayahnya mengalami barah dalam perut (Hypertension). Walaupun ada yang menyatakan ayahnya disantau Farid menerima sebagai takdir Allah. Farid menyakinkan dirinya bahawa orang muda sepertinya perlu mencari ilmu dan sabar dalam perniagaan. Perniagaan batik ayahnya masih beroperasi seperti biasa tetapi ada sebilangan ejen yang mengambil kesempatan tidak membayar hutang. Farid berbual-bual dengan Pak Nik (pekerja batik), menurut Pak Nik kuota pengeluaran dikecilkan kerana bekalan bahan mentah menghasilkan batik makin kurang. Manakala batik keluaran mereka kurang laris di pasaran. Pak Nik menasihati Farid bahawa dalam perniagaan ada pelbagai watak mesti diwarisi. Kak Tom menunjukkan Farid fail hutang dan meminta Farid meminta bayaran kepada ejen yang masih berhutang lagi.

BAB 3 TITIAN NAGA

Suatu malam, keluarga Hajah Zaoyah makan malam bersama. Mereka bercerita banyak perkara. Ibunya menyedari bahawa Farid semakin kurus dan masa bersosialnya kurang kerana sibuk menguruskan perniagaan keluarga. Ibu dan abangnya mendesak Farid menceritakan masalah yang dialami semasa menguruskan perniagaan batik keluarga. Malam itu, Farid meluahkan masalahnya. Farid merasa malu kepada diri sendiri kerana bangsa lain yang seusia dengannya mampu mengendalikan perniagaan. Ibunya berpesan bahawa dia tidak mahu syarikat ayahnya dibubarkan kerana tinggalan ayahnya. Ibunya ingin menggadaikan barang kemas dan tanah untuk menyelamatkan syarikat. Farid terfikir sebelum tidur tentang cadangan ibunya. Dia baru teringat cakap Kak Tom supaya berjumpa seseorang.

BAB 4 AZAM USAHAWAN MUDA

Farid pagi-pagi lagi ke tapak bangsal batik perusahaannya. Dia memikirkan prospek meluaskan perusahaan batiknya berasaskan keluasan saiz tapak sedia ada. Pak Nik melihat Farid dan bangga kerana sifat kerja keras Haji Badrul ada pada Farid. Farid merupakan anak muda mempunyai keazaman yang tinggi. Farid ingin mencontohi kawannya Abdul Kaber berketurunan India Malabar yang mempunyai kedai kain kecil di Jalan Banggol dan Chew Teck Heng dari Kampung Cina yang menjual mi. Kawan Farid berniaga kecil-kecilan tetapi berjaya kerana berkat kesabaran dan kecekapan dalam bidang perniagaan. Semangat kawannya itu menyebabkan Farid semakin yakin untuk bersama dengan industri batiknya. Dalam mesyuarat Farid melontarkan idea bernas iaitu membincangkan usaha meningkatkan kualiti batik perusahaannya di samping promosi efektif. Masalah kos turut dibincangkan. Kak Tom mencadangkan aset kurang produktif hendaklah dijual sekali gus mengurangkan beban syarikat.

BAB 5 LANGKAH PERTAMA

Farid ke Jalan Tok Lam untuk berjumpa dengan Encik Mokhsein. Farid mendapat layanan yang baik daripada Encik Mokhsein yang suka merendah diri dan gaya hidup sederhana. Encik Mokhsein amat tertarik dengan sikap Farid, anak muda yang berjiwa besar, inovatif dan berpandangan jauh. Mereka berbincang tentang ilmu perniagaan dan peluang serta penglibatan orang Melayu khususnya dalam DEB. Encik Mokhsein berterus-terang bahawa Haji Badrul banyak mengajarnya selok-belok dalam perniagaan ketika dia bekerja di Syarikat Batik Nusantara milik keluarga Farid. Pendapat Encik Mokhsein sama dengan Pak Nik bahawa masalah perniagaan batik Haji Badrul kerana khianat sesetengah syarikat lain akan kejayaan Haji Badrul. Bagi mengatasi persaingan perusahaan batik yang lain dan kejam, Encik Mokhsein mencadangkan kepada Farid berani mencari pasaran baharu dan idea-idea yang baik untuk dilakukan oleh Farid.

BAB 6 ILHAM DARIPADA ZURAIIDA

Zuraida terkejut kedatangan Farid ke kedainya. Farid kagum dengan kegigihan Zuraida setelah sepuluh tahun mengusahakan perniagaan, rakan sekelasnya sejak tingkatan satu membantu keluarganya mengusahakan kedai pakaian di bazar MARA, Jalan Bonggol dekat dengan stesen bas lama. Ketika zaman persekolahan Zuraidah mencuri-curi untuk belajar ketika membantu ibunya berniaga di kedainya sementara menunggu pelanggan datang membeli. Zuraida tetap merendah diri dan mengatakan perniagaannya kecil di kaki lima tidak sehebat perusahaan Farid. Zuraida memberikan pandangan dalam perniagaan bahawa dia banyak bermodalkan petua ibunya supaya sabar dan manis muka melayan pelanggan. Walaupun Zuraida sibuk melayan pelanggan yang tidak putus-putus, dia tetap berbual-bual dengan Farid. Farid telah balik ke pejabatnya dan bercerita dengan Kak Tom bahawa dia semalam berjumpa dengan Encik Mokhsein dan hari ini dengan Zuraida. Bagi Farid, dia kagum dengan Zuraida dan Encik Mokhsein merupakan usahawan yang gigih dan perlu dicontohi.

BAB 7 BATIK, CINTA

Farid telah mempelawa Zuraida makan tengah hari di Restoran Mail, seberang Jalan Bonggol. Zuraida memuji kehebatan Farid, bahawa dia tidak menyangka pelajar 5 Sastera 1, Sekolah Menengah Seri Budiman sudah berjaya menjadi tauke besar. Farid merendah diri sambil mengatakan dia menghadapi krisis dan perlukan bantuan seseorang. Zuraida sedia membantu Farid tanpa mengharapkan balasan. Zuraida mencadangkan batik Farid dijual di kedainya. Farid menceritakan syarikatnya tidak dapat pusing modal kerana ada ejen yang tidak jujur dan liat membayar hutang selepas batik dijual. Zuraida mencadangkan Farid memodenkan batik keluarannya agar pasaran luas, mampu bersaing dan menenuhi cita rasa pelanggan terkini. Zuraida memberikan pelbagai idea dan perubahan untuk Farid supaya melaku-lakukan perlahan-lahan demi menarik pelanggan khususnya pelancong yang semakin ramai berkat Tahun Melawat Malaysia. Selesai makan dan menuju ke kedai Zuraida, Farid merasakan hatinya ada bibit-bibit cinta dengan Zuraida.

BAB 8 CORAK BAHARU

Di pejabat, Farid rancak memikirkan batik corak baharu yang agak moden. Zuraida mencadangkan batik canting yang agak moden mengikut minat pelanggan. Kak Tom bersetuju dengan cadangan Farid supaya memodenkan batik perusahaan. Farid bercadang meminta bantuan Encik Mokhsein bagi memberikan pandangan tentang projek memodenkan pengeluaran batiknya. Ketika berbincang dengan Encik Mokhsein petang itu, Encik Mokhsein telah memuji Farid kerana contoh usahawaan yang hendak dilahirkan oleh DEB iaitu berdaya saing untuk memajukan perusahaannya kerana ramai usahawaan Melayu muflis ekoran masalah-masalah peribadi yang remeh-temeh. Encik Mokhsein bersetuju projek "Pembesaran Keupayaan Pengeluaran Batik Cap dan Perintis Batik Lukis Syarikat Batik Nusantara" dilaksanakan segera. Menurut Encik Mokhsein, Farid masih muda walaupun lepasan SPM tetapi berpotensi untuk berjaya dalam perniagaan. Encik Mokhsein yakin projek Farid bakal menaikkan maruah bangsa dan martabat industri kampung. Farid perlu mendalami ilmu perniagaan jangka pendek oleh MARA dan MIDA. Encik Mokhsein berjanji akan membantu aspek pasaran agar produk Farid tidak jatuh ke tangan ejen yang tidak bertanggungjawab. Selepas itu, Encik Mokhsein kerap bertanyakan perkembangan projek Farid. Farid tidak bercadang menamatkan pengeluaran batik tradisi cuma dimodenkan untuk pasaran sekarang.

BAB 9 BATIK SUMBER REZEKI

Encik Mokhsein telah merasmikan bangsal yang baru dibina. Perasmian agak sederhana dan lebih kepada kenduri kesyukuran ekoran tertegaknya bangsal baharu. Encik Mokhsein membawa sepupunya, Hartini Noor, graduan seni reka fabrik lepasan UITM kemudian melanjutkan pelajaran di sebuah adademik seni tampak di Australia. Kehadiran Hartini Noor menimbulkan perasan cemburu Zuraida dan dia meninggalkan majlis. Encik Mokhsein mencadangkan Farid mengambil belia tempatan sahaja sebagai pekerja bagi mengurangkan kos. Dengan bantuan Atan, tujuh orang pekerja sudah disenaraikan namanya oleh Farid. Hartini meminta Farid memanggilnya kakak. Hartini Noor menceritakan kepada Farid tentang kaedah, corak dan sejarah batik asli (sarung) serta pengalamannya belajar. Farid yakin batik modennya mampu bersaing dengan syarikat batik lain dan tidak lupa janjinya hendak meletakkan batiknya dijual di gerai Zuraida.

BAB 10 MAAFKAN AKU, EDA

Zuraida terkejut bila Farid muncul di gerainya pada pukul 10.15 pagi. Dia tidak menyangka Farida ada masa berjumpa dengannya walaupun ada primadona batik modennya. Farid kurang senang dengan perasaan cemburu Zuraida. Akhirnya Farid menjelaskan Hartini Noor bekerja secara kontrak sebulan sahaja dan dia telah bertunang sertanya umurnya 25 tahun menyebabkan Farid memanggilnya kakak. Hartini Noor telah berjaya membimbing pekerja-pekerja kilang batik Farid dengan baik. Kerja mencanting batik atas kain sutera yang dilakukan oleh Hartini sangat halus. Farid mengajak Zuraida mengelilingi Semanjung sebagai strategi promosi dan yakin dengan sifat semula jadi keperempuannya. Petang itu, Zuraida ke bengkel syarikat Farid dan dia terpukau melihat hasil kerja Hartini. Namun Hartini merendah diri dan dia tidak mahu dianggap primadona malah upahpun dia tidak ambil kerana percubaan untuk mengangkat martabat batik.

BAB 11 BARA DENDAM

Mukhtar marah jualan batiknya merosot walaupun komisen diberi 35%. Dia puas hati apabila melihat perniagaan batik Haji Badrul musnah selepas kematian Haji Badrul. Namun Mukhtar amat marah apabila mendapat tahu batik keluaran syarikat Rajawali miliknya susah laku kerana batik moden kini menambat hati pengguna. Mukhtar mengganggap Farid, budak mentah tidak mampu berbuat apa-apa meyelesaikan masalah syarikat awrah bapanya. Bagaimanapun Mukhtar mula risau apabila mendapat tahu Farid pernah datang ke pejabat Mokhsein dan berbaik dengan Zuraida, anak saudaranya. Mukhtar datang ke gerai Zuraida dan memarahinya kerana menjual batik moden milik syarikat Farid. Zuraida mempertahankan haknya, tetapi Mukhtar mengugutnya jika terus menjual batik moden keluaran syarikat Farid. Zuraida mula terpikir, mungkin Mukhtar dalang kepada kemusnahan syarikat milik keluarga Farid pada masa dahulu. Farid pula telah mendapat surat layang. Hal ini membimbangkan keluarga Farid tetapi dia tidak takut kerana menyedari ugutan tersebut kerana cemburu dengan bengkel baharunya berupaya menghasilkan corak lebih moden, namun ibunya berazam melaporkan surat layang kepada pihak polis.

BAB 12 SAMSENG

Pagi-pagi sebelum ke tempat kerja, Farid mendapat panggilan daripada Zuraida. Zuraida ingin berjumpa dengan Farid kerana ada perkara penting. Farid tergesa-gesa berjumpa dengan Zuraida. Zuraida memberitahu Farid kerana ada orang mengugut gerainya akan dirobuhkan sekiranya menjual batik moden syarikat Farid. Oleh itu, Zuraida terpaksa menutup gerainya dan mengajak Farid ke rumahnya di Kampung Tanjung untuk menceritakan perkara rahsia. Ibu Zuraida suka Farid berkawan dengan anaknya dan berharap Mukhtar, bapa saudara Zuraida tidak mengganggu hubungan anaknya. Farid risau dan berasa bersalah kerana hubungannya dengan Zuraida menimbulkan kemarahan Mukhtar dan bunyinya hampir sama dengan surat layang. Manakala di bengkel Farid pula, Mahmood membuat kekacauan kononnya sebelum ini Masri dan Azmi merupakan bekas pekerja syarikat majikannya yang dirampas oleh Syarikat Batik Nusantara. Hartini Noor yang ketakutan meminta bantuan Pak Nik. Melihat Azmi diperlakukan kasar oleh Mahmood menyebabkan Masri ingin membantu tetapi Mahmood mencurahkan lilin panas ke muka Masri. Mahmood lari dan Pak Nik bercadang ingin melaporkan kepada pihak polis. Kepulangan Farid ke syarikatnya disambut dengan aduan kekacauan tersebut.

BAB 13 API

Jam 2 pagi, keluarga Hajah Zaoyah terjaga kerana berlaku kebakaran di bangsal batik baharunya. Tiga lembaga berlari meninggalkan kawasan itu dan menuju ke keretanya lalu memecut. Farid berusaha memadamkan kebakaran menggunakan alat pemadam api tetapi gagal. Jiran-jirannya membantu sebelum pasukan bomba datang. Farid merasa sedih melihat bangsal batik modennya yang dibinanya tidak sampai sebulan musnah dan sebahagian besarnya tinggal rangka. Siasatan mendapati 75% harta benda musnah. Dalam kesedihan Farid menyakinkan abangnya bahawa kebakaran bangsal batik modennya ada kaitan dengan ugutan surat layang yang diterimanya. Ibunya telah menyerahkan surat layang tersebut kepada Pak Nik untuk dilaporkan kepada pihak polis. Ibu dan abangnya menasihati Farid menerima takdir Tuhan selepas solat subuh. Keesokan paginya, kawasan kebakaran menjadi tumpuan. Masing-masing terkejut. Pekerja bahagian batik asli diminta bekerja seperti biasa. Hartini Noor terkejut tetapi kagum dengan ketenangan dan kesabaran Farid. Pihak polis mengesahkan kebakaran berkaitan dengan surat layang dan kekacauan oleh Mahmood. Tengah hari Zuraida datang melawat Keluarga Farid dan bersimpati. Inspektor Ruzman menjelaskan bahawa Mukhtar, pemilik Syarikat Batik Rajawali punca segalanya.

BAB 14 OMBAK

Mukhtar ditahan di lokap Balai polis Daerah Kuala Terengganu. Dia didakwa mengupah tiga samseng membakar bangsal batik moden syarikat Farid. Tiga hari kemudian, Encik Mokhsein yang baru balik dari Singapura. Menurut Encik Mokhsein punca segalanya berlaku kerana sifat hasat dengki, dia juga menerima ugutan sejak berbaik-baik dengan Farid. Encik Mokhsein menyampaikan berita baik kepada Farid bahawa butik dari Singapura dan Kuala Lumpur ingin melanggan batik moden keluaran perniagaan Farid. Selain itu, Encik Mokhsein merancang mencarikan Farid peluang mengadakan pertunjukan kesenian anjuran Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia. Farid terhutang budi dengan Encik Mokhsein, Zuraida dan Hartini Noor yang banyak membantu. Zuraida pula melanjutkan pelajaran di Dungun dalam bidang pertadbiran perniagaan. Mahkamah Rendah Terengganu menjatuhkan hukuman bahawa Mukhtar didapati bersalah dan akan meringkuk tiga tahun dalam penjara di Marang. Mukhtar berbuat jahat kerana kemerosotan jualan batik dan hutang syarikatnya. Farid bermimpi Mukhtar datang meminta maaf dan insaf. Mokhsein datang mengajak Farid dan Zuraida ke majlis perkahwinan Hartini Noor di Kuantan. Ibu Farid mengusik anaknya tetapi Farid menjelaskan bahawa dia masih muda untuk berkahwin kerana hendak menyambung pelajaran dahulu.

TEMA:

Kegigihan seorang anak dalam memajukan perniagaan warisan keluarga.

PERSOALAN:**1) Cabaran dalam dunia perniagaan.**

Contohnya: Farid menghadapi pelbagai cabaran dalam menguruskan perniagaan batik milik keluarganya.

2) Ketabahan dalam dunia perniagaan.

Contohnya: Farid tabah menempuh pelbagai cabaran demi mengembangkan Syarikat Batik Nusantara.

3) Kasih sayang sesama ahli keluarga.

Contohnya: Hajah Zaoyah sangat menyayangi anak-anaknya dan dia sanggup menggadai tanah dan barang kemas demi membantu Farid memajukan perusahaan warisan arwah suaminya. Farid juga sanggup menggalas tanggungjawab mengambil alih syarikat arwah ayahnya kerana adik-beradiknya yang lain tidak mempunyai keupayaan dalam menguruskan syarikat tersebut.

4) Sikap manusia yang sanggup menolong orang lain.

Contohnya: Mokhsein menjadi mentor kepada Farid dalam usaha membangunkan semula Syarikat Batik Nusantara. Mokhsein sering memberi motivasi kepada Farid. Dia juga membantu Farid mendapatkan pengedar dari Singapura dan Kuala Lumpur bagi memasarkan batik milik keluarga Farid.

5) Kepentingan ilmu dalam kehidupan.

Contohnya: Zuraida menyambung pelajarannya pada hujung minggu manakala Farid menghadiri pelbagai kursus yang dianjurkan oleh MIDA, MARA bagi meningkatkan kemahiran pengurusan dan pentadbiran syarikat.

6) Sikap suka memandang rendah terhadap orang lain.

Contohnya: Mukhtar memandang rendah terhadap kemampuan Farid menguruskan syarikat batiknya.

7) Persaingan dalam dunia perniagaan.

Contohnya: Mukhtar telah sabotaj Syarikat Batik Nusantara dengan pelbagai cara untuk memastikan Syarikat Batik Rajawali bertahan dalam industri batik.

PLOT NOVEL HEMPASAN OMBAK

Binaan Plot

Permulaan

Farid duduk di dalam bilik dan dia berasa seperti tidak percaya dalam usia 19 tahun terpaksa mengambil alih Syarikat Batik Nusantara setelah ayahnya meninggal dunia tiga bulan yang lalu. Farid berasa resah dan kurang yakin kerana tiada pengalaman dan kemahiran untuk menguruskan perniagaan itu. Farid bertuah kerana Tomsiah atau Kak Tom, kerani syarikat perniagaan keluarganya banyak membantu dan memberi tunjuk ajar tentang pengurusan syarikat keluarganya itu. Farid sangat mengagumi Kak Tom kerana kemahiran dan pengetahuannya dalam menguruskan syarikat milik arwah ayahnya.

Perkembangan

Farid mendengar pelbagai cerita tentang punca kematian ayahnya. Ada yang mengatakan bahawa ayahnya meninggal dunia akibat terkena santau, tuju dan sebagainya. Namun, Farid berpendapat bahawa kematian ayahnya merupakan takdir yang telah ditetapkan tuhan. Dia sendiri tahu bahawa ayahnya menghidap penyakit barah di dalam perut. Pemergian ayahnya seperti memberi amanah kepada Farid untuk menguruskan perniagaan keluarganya itu, lebih-lebih lagi abangnya, Lotfi lumpuh. Farid berhadapan tugas penting untuk memulihkan perniagaan keluarganya. Farid sering merujuk kepada Kak Tom dalam menguruskan perniagaan batik keluarganya. Sebagai pengurus baharu, Farid bertanggungjawab meninjau ke bangsal para pekerjaannya Lankanankan proses mencanting batik. Farid berasa risau apabila Nik memberitahu bahawa stok untuk menghasilkan batik semakin berkurangan. Menurut Nik lagi, kain batik mereka tidak laku dan melambak di pasaran. Tomsiah pula telah menyerahkan fail hutang syarikat itu kepada Farid. Farid mula memikirkan strategi untuk mengatasi masalah kewangan yang dihadapi oleh syarikatnya. Farid bermesyuarat dengan pekerjaannya dan keputusan telah diambil untuk melakukan pelbagai pelan untuk memajukan syarikat batik itu seperti memperbesar bangsal dan menghasilkan batik moden. Mokhssein dan Hartini memainkan peranan yang penting dalam penghasilan batik moden di Syarikat Batik Nusantara. Dengan kreativiti Hartini, batik bercorak moden berjaya dihasilkan dan kegunaan batik juga telah dipelbagaikan.

Perumitan

Kemunculan batik bercorak baharu keluaran syarikat Farid menyebabkan batik keluaran Syarikat Batik Rajawali tidak lagi mendapat sambutan. Pemiliknya, Mukhtar sangat berdendam terhadap Farid dan dia juga telah mendesak Zuraida, anak saudaranya agar tidak menjual batik keluaran syarikat Farid di gerainya. Selain itu, Mukhtar telah mengiriskan surat layang berbaur ugutan kepada Farid. Seterusnya samseng upahan Mukhtar, iaitu Mahmood telah datang ke bangsal batik Farid dan dia cuba memfitnah dan memukul Masri. Tindakan itu berjaya dihalang oleh Azmi. Azmi telah mencurahkan lilin panas pada muka Mahmood.

Puncak

Bangsas batik moden milik Farid telah dibakar oleh orang upahan Mukhtar pada waktu malam. Farid berusaha memadamkan api tetapi usahanya gagal. Kejadian itu memusnahkan bangsal batik moden. Selepas siasatan dijalankan, pihak bomba mendapati bahawa terdapat unsur sabotaj dalam kejadian itu.

Peleraian

Mukhtar bin Yusof, pemilik Syarikat Batik Rajawali ditangkap polis atas tuduhan mengupah tiga orang samseng membakar bangunan bengkel milik Farid. Zuraida memohon maaf kepada Farid atas perbuatan pakcik itu. Mukhtar dijatuhkan hukuman oleh mahkamah penjara tiga tahun.

TEKNIK PLOT

Teknik	Huraian/ Contoh
Pemerian	<p>Pengarang menggambarkan aktiviti jual beli yang berlaku di kedai Zuraida.</p> <p>Contoh: Selepas ibu tadi meninggalkan gerai setelah mendapatkan seluar untuk anak lelaki yang berumur tiga tahun barulah jejaka itu membuka mulut. (hlm. 76)</p> <p>Pengarang menceritakan desas-desus punca kematian ayah Farid</p> <p>Contoh: Farid cuba menutup telinga daripada mendengar desas-desus punca kematian ayahnya. (hlm.15)</p>
Dialog	<p>Perbualan antara Farid dan Mokhsin.</p> <p>Contoh: “Kita minum sikit, Rid,” tiba-tiba Mokhsin bersuara. “Tetamu yang datang takkan dibiarkan kering tekaknya. Farid nak minum apa? Mokhsein seperti menawarkan. “Ikut tuan rumahlah.” Farid mulai tidak kekok melayani Encik Mokhsein. (hlm. 63)</p> <p>Perbualan antara Zuraida dan Farid</p> <p>Contoh: “Eda dapat agaklah Farid tentu bosan dengar cerita Eda fasal berniaga kecil-kecilan. Berniaga di kaki lima!”</p>

	<p>"Hm.... Saya tak kata pun begitu. Bagi saya sama sahaja. Perniagaan saya pun tak besar mana. (hlm.81)</p>
Imbas kembali	<p>Lotfi teringat peristiwa semasa dia mengikuti ayahnya kembali menghantar batik keluaran syarikatnya ke serata tempat.</p> <p>Contohn: Dia sering mengikuti ayahnya menghantar batik keluaran syarikatnya ke serata tempat, ... (hal. 34)</p>
Monolog	<p>Farid bercakap seorang diri.</p> <p>Contoh: "Pengorbanan....." Farid separuh berbisik. (hal. 73)</p>
Monolog dalaman	<p>Hati Nik berdetik tentang Farid dan Zuraida yang kelihatan dalaman sepadan.</p> <p>Contoh: Seorang penjual batik, seorang lagi tauke batik, ...' detik hati Nik, penjaga stor itu. (hal. 146)</p>
Imbas muka	<p>Farid membayangkan bahawa dia dan Zuraida akan menguruskan Syarikat Batik Nusantara bersama-sama suatu masa nanti.</p> <p>Contoh: Suatu ketika, pengembaraan kita menguruskan perniagaan sebegini akan lebih acap. (hal. 145)</p>
Saspens	<p>Pembaca tertanya-tanya orang yang dikatakan oleh Mokhsein yang dengki akan perniagaan Farid.</p> <p>Contoh:"Adalah syarikat lain dengki dekat kamu tu. (hal. 69)</p>
Kejutan	<p>Pembaca terkejut apabila melihat keberanian Hartini menghalau samseng yang menceroboh bangsal batik tempatnya berkhidmat.</p> <p>Contoh: Tolong keluar bang. Keluar! " Hartini mula bertegas. (hal. 175)</p>

LATAR NOVEL HEMPASAN OMBAK

Latar Tempat

Latar Tempat	Contoh
1. Rumah Farid	Tempat Farid makan malam bersama keluarganya.
2. Pejabat Farid	Tempat Farid dan pekerjaannya mengadakan mesyuarat pertama. Tempat Farid bekerja sebagai pengurus di syarikat milik keluarganya
Firma Nadi Zaman	Tempat Farid bertemu Mokhsein bagi meminta nasihat dan tunjuk ajar dalam dunia perniagaan.
Bazaar Mara Jalan Bonggol	Tempat Zuraida berniaga pakaian.
Kampung Tanjung	Rumah Zuraida
Balai Polis Daerah Kuala Terengganu	Tempat Farid memberi kenyataan tentang peristiwa kebakaran bangsal moden milik syarikatnya.
Mahkamah Rendah Kuala Terengganu	Tempat Mukhtar dibicarakan dan dijatuhkan hukuman terhadap kes kesalahan membakar bangsal moden Farid.
UITM (Universiti Teknologi Mara)	Tempat Zuraida menyambung pelajaran dalam bidang Pentadbiran Perniagaan

Latar Masa

Latar Masa	Contoh
1. Pagi Sabtu	Farid berkunjung ke kedai Zuraida
2. 2.00 pagi	Bangsal moden Syarikat Batik Nusantara terbakar
3. 15 minit	Bunyi letupan kedengaran dan orang kampung tersedar akan kebakaran bangsal tersebut.
4. Tiga hari	Selepas tiga hari berlakunya peristiwa kebakaran itu, Mokhsein mengunjungi Farid di pejabatnya.
5. 9.00 pagi	Mesyuarat kali pertama diadakan oleh Farid dan pekerjaannya.

6. Sebulan	Hartini menjadi tenaga pengajar batik moden kepada pekerja Farid.
7. Akhir tahun 60- an	Syarikat Batik Nusantara ditubuhkan
8. Waktu Malam	Pada waktu malam, Farid dan keluarganya makan malam bersama.

Latar Masyarakat

Latar Masyarakat	Contoh
1. Masyarakat peniaga	Farid, Zuraida, Mokhsein dan Mukhtar seorang yang terlibat dalam perniagaan batik.
2. Masyarakat yang gigih berusaha	Farid berusaha dengan gigih untuk mebangunkan syarikat batik warisan milik keluarganya.
3. Masyarakat yang mementingkan ilmu.	Moksein menyarankan agar Farid mengikuti kursus – kursus dalam perniagaan supaya dapat meningkatkan pengetahuan dalam pengurusan syarikat. Zuraidah melanjutkan pelajaran dalam bidang Pentadbiran Perniagaan di UiTM Dungun walaupun dia sudah memiliki kedai.
4. Masyarakat hidup saling membantu	Mokhsein dan Zuraida sering membantu Farid dalam urusan perniagaan seperti memberikan cadangan yang membina.
5. Masyarakat yang sanggup berkorban	Hajah Zaoyah sanggup menggadaikan barang-barang kemas miliknya untuk dijadikan modal dalam mebangunkan perusahaan batik yang diwarisi anaknya.
6. Masyarakat yang dengki	Mukhtar yang dengki kepada Farid sanggup sabotaj perusahaan Farid agar dapat menyingkirkan pesaingnya di dalam pasaran batik.
7. Masyarakat yang kreatif dan inovatif	Hartini menggunakan daya kreativitinya untuk menghasilkan corak batik dan mempelbagaikan kegunaan batik sebagai pakaian, perabot dan penghias dinding.

NILAI DAN PENGAJARAN NOVEL HEMPASAN OMBAK

NILAI	PENGAJARAN	CONTOH
1. Ketabahan	Kita hendaklah tabah menghadapi pelbagai rintangan dan dugaan hidup.	Farid tabah menghadapi pelbagai cabaran demi memajukan Perusahaan Batik Nusantara
2. Bertanggungjawab	Kita hendaklah bertanggungjawab melaksanakan amanah yang diberi.	Masri bertanggungjawab menyelamatkan Azmi daripada serangan Mahmood.
3. Kasih sayang	Kita mestilah menyayangi setiap anggota ahli keluarga kita	Hajah Zaoyah sangatsayang akan keluarga dan warisan perniagaan milik perniagaan suaminya.
4. Tolong-menolong	Kita hendaklah mengamalkan sikap tolong-menolong demi kebaikan semua pihak.	Mokhsein membantuFarid mencari agen di Singapura dan Kuala Lumpur.
5. Bekerjasama	Kita hendaklah bekerjasama dalam melaksanakan tugas bagi membangunkan sesebuah syarikat.	Keluarga Farid dan pekerjanya bekerjasama menyumbangkan idea bagi memajukan perniagaan batik tersebut.
6. Kejujuran	Kita hendaklah jujur dalam persahabatan	Zuraidah memberitahu Farid bahawa dia terpaksa berhenti menjual batik syarikat Farid kerana bimbang ugutan pak ciknya
7. Kerajinan	Kita hendaklah bersikap rajin dalam melaksanakan tugas	Farid rajin mengunjungi bengkel untuk memantau para pekerjanya dan melihat proses penghasilan batik